



## Kenyataan Dasar

1/2025

Tarikh: 22 Ogos 2025

### Perkembangan Ekonomi Global dan Serantau

1. Dalam laporan World Economic Outlook (WEO) Julai 2025, International Monetary Fund (IMF) mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2025 pada kadar 3.0%, iaitu penurunan berbanding 3.3% yang dicatat pada tahun 2024. Ekonomi global dijangka pulih secara sederhana kepada 3.1% menjelang tahun 2026. Penurunan ini didorong oleh kelembapan serentak dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang membangun yang terjejas akibat ketidaktentuan ekonomi dan risiko geopolitik yang semakin meningkat. Prospek ekonomi global kekal rapuh, dengan beberapa risiko utama, termasuk ketidakpastian hala tuju dasar monetari dan fiskal, ketegangan geopolitik yang berterusan, dan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global. Sekiranya risiko-risiko ini terus meningkat, kesannya terhadap pertumbuhan global boleh menjadi lebih ketara, sekali gus menambah tekanan ke atas aktiviti perniagaan, pelaburan korporat, dan perbelanjaan isi rumah.
  
2. IMF juga menjangkakan inflasi global akan menurun daripada 5.7% pada tahun 2024 kepada 4.2% pada tahun 2025 dan seterusnya kepada 3.6% pada tahun 2026. Tren disinflasi ini mencerminkan kelembapan permintaan berikutan kesan tertangguh daripada dasar monetari yang ketat, dan keadaan penawaran (supply-side conditions) yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, laluan menuju kestabilan harga dijangka tidak sekata disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi global, pembentukan semula rantaian bekalan, dan prospek pertumbuhan yang kekal suram. Dalam suasana ekonomi yang tidak menentu ini, IMF menekankan keperluan bagi memperkuuh keyakinan pasaran, menangani ketidakseimbangan makroekonomi, dan mendukung pertumbuhan ekonomi yang mampan. Keutamaan harus diberikan kepada menjaga kestabilan landskap monetari domestik dan memelihara kemampunan sektor kewangan, sambil mengelakkan daripada menjelaskan

prospek pertumbuhan dan mencetuskan ketegangan tambahan dalam pasaran kewangan dan kredit.

3. Harga minyak telah mencatatkan kejatuhan ke paras terendah dalam tempoh lebih tiga tahun pada Mei 2025. Penurunan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor utama, seperti risiko peningkatan bekalan daripada negara-negara anggota Organization of the Petroleum Exporting Countries Plus (OPEC+), dan kelemahan permintaan global yang berpunca daripada pelaksanaan tarif perdagangan oleh Amerika Syarikat yang memberi kesan negatif terhadap aliran dagangan dan pertumbuhan ekonomi global. Walau bagaimanapun, harga minyak melonjak naik pada Jun 2025 berikutan peningkatan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Namun, kenaikan ini tidak bertahan lama apabila konflik tersebut mula reda yang menyebabkan harga kembali turun. Unjuran semasa menunjukkan harga minyak dijangka akan terus menurun, didorong oleh peningkatan pengeluaran daripada negara-negara OPEC+ dan pengeluar bukan OPEC+, permintaan global yang kekal lemah, serta ketegangan geopolitik berpanjangan yang menjelaskan keyakinan pasaran dan aktiviti ekonomi global.
4. Sebaliknya, harga gas asli menunjukkan tren peningkatan disebabkan oleh beberapa faktor yang mendukung permintaan dan menghad penawaran. Antara faktor-faktor ini termasuk permintaan yang meningkat dari serantau Eropah dan Asia disebabkan oleh cuaca yang lebih sejuk, penurunan pengeluaran akibat kekurangan jumlah pelantar penggerudian, dan gangguan bekalan global yang turut dipengaruhi oleh ketegangan geopolitik. Harga gas asli dijangka kekal dalam trajektori meningkat, didorong oleh faktor-faktor seperti permintaan yang semakin kukuh hasil pembangunan dan peluasan kemudahan eksport baharu, terutamanya di Amerika Utara, yang membolehkan peningkatan bekalan ke pasaran antarabangsa.

#### **Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

5. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam mencatatkan penurunan sebanyak 1.8% tahun-ke-tahun pada suku pertama 2025, disebabkan oleh penurunan dalam kedua-dua Sektor Minyak dan Gas serta Sektor Bukan Minyak dan Gas yang masing-masing merekodkan penguncutan sebanyak 1.5% dan 2.0%. Pengurangan dalam Sektor Minyak dan Gas berpunca daripada penurunan pengeluaran gas asli dan gas cecair asli (LNG) yang telah memberikan kesan ketara kepada prestasi keseluruhan ekonomi. Sektor Bukan Minyak dan Gas juga menyumbang kepada kelemahan ekonomi, dengan penurunan dalam beberapa subsektor seperti Perikanan, Lain-lain Pembuatan, Perkhidmatan Kesihatan, Pembuatan Produk Petroleum dan Kimia, Kewangan, dan Perkhidmatan Perniagaan.

6. Walaupun penurunan dicatat pada awal tahun, pertumbuhan ekonomi bagi keseluruhan 2025 dijangka kekal sederhana, didorong oleh pemulihan pengeluaran minyak dan gas secara beransur-ansur, serta peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas, termasuk pembinaan, pelancongan, perdagangan dan teknologi maklumat. Ini juga akan didukung oleh pelaksanaan projek-projek pelaburan langsung asing (FDI) yang sedang berkembang, terutama dalam sektor-sektor petrokimia, makanan halal, dan pembuatan.
7. Indeks Sentimen Perniagaan [BSI] mencatatkan purata 50.0 bagi tempoh Januari hingga Jun 2025, menunjukkan sentimen yang neutral dalam kalangan perniagaan sektor swasta mengenai keadaan perniagaan. Terdapat sentimen optimistik yang dipacu oleh permintaan bermusim seperti semasa musim perayaan, acara berskala besar, dan prospek pemulihan berterusan dalam sektor-sektor utama. Namun, sentimen pesimistik juga wujud, mencerminkan permintaan pasaran yang lebih lemah daripada jangkaan, kelambatan pelaksanaan projek, dan risiko berkaitan cuaca yang tidak menentu. Ekonomi juga berdepan dengan beberapa cabaran luaran yang boleh memberi kesan kepada pertumbuhan sepanjang tahun 2025, termasuk ketidaktentuan harga komoditi global dan kelembapan permintaan daripada rakan dagang utama.
8. Selaras dengan tren disinflasi global, kadar inflasi Negara Brunei Darussalam mencatatkan purata -0.4% tahun-ke-tahun bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2025, didorong terutamanya oleh penurunan harga dalam kategori Makanan dan Minuman Ringan serta kategori Bukan Makanan, khususnya dalam subkategori Pengangkutan. Inflasi yang rendah berpunca daripada tren disinflasi global dan serantau, serta langkah-langkah dasar domestik seperti subsidi kerajaan, kawalan harga, dan kerangka dasar monetari domestik. Di bawah kerangka dasar ini, kesan inflasi yang diimport ke atas harga domestik kekal terkawal, hasil daripada kesamarataan nilai dolar Brunei dengan dolar Singapura. Memandang ke hadapan, kadar inflasi dijangka kekal rendah dalam jangka masa terdekat, mengambil kira keputusan Monetary Authority of Singapore (MAS) untuk mengekalkan kadar peningkatan Kadar Tukaran Efektif Nominal Dolar Singapura (S\$NEER) pada Julai 2025, selepas pelonggaran dasar monetari sebanyak dua kali pada awal tahun ini. Berdasarkan data Indeks Harga Pengguna (IHP) dan perkembangan semasa global dan serantau, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) menjangkakan kadar inflasi negara bagi tahun 2025 akan berada dalam lingkungan antara -0.6% hingga 0.4%.

## **Perkembangan Sektor Monetari dan Kewangan Negara Brunei Darussalam**

9. Memandangkan perkembangan kadar faedah global yang menurun, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Monetari [FMSC] di BDCB telah menurunkan Kadar Simpanan Semalaman dan Kadar Pinjaman Semalaman sebanyak 25 mata asas pada April 2025, dan sebanyak 50 mata asas pada Jun dan Julai 2025, masing-masing kepada 1.00% dan 2.00%. Ini adalah untuk memastikan operasi monetari BDCB kekal selaras dengan prinsip Lembaga Mata Wang, dan menggalakkan aktiviti pasaran wang domestik. Pihak FMSC akan sentiasa memastikan tahap kecairan yang mencukupi untuk mendukung keberkesanan sistem kewangan domestik.
10. Sektor kewangan Negara Brunei Darussalam, yang terdiri daripada institusi-institusi kewangan Islam dan konvensional, mencatat pertumbuhan sebanyak 1.3% tahun-ke-tahun dengan nilai aset keseluruhan berjumlah BND24.6 bilion pada suku kedua 2025. Aset sektor kewangan Islam berjumlah sebanyak BND14.6 bilion, iaitu 59.2% daripada jumlah keseluruhan aset, manakala sektor konvensional memegang aset sebanyak BND10.0 bilion. Institusi-institusi penerima deposit menyumbang sebanyak 91.5% daripada nilai aset dengan BND22.5 bilion.
11. Sektor kewangan terus menunjukkan kekuahan dan kedayatahanan pada suku kedua 2025, disokong oleh asas kewangan yang kukuh, pengurusan risiko yang berhemat, serta sistem kewangan yang terlindung daripada kejutan luaran. Walau bagaimanapun, persekitaran luaran kekal mencabar, dipengaruhi oleh ketegangan geopolitik dan langkah-langkah perlindungan perdagangan yang berterusan. BDCB terus memantau risiko sistemik melalui pengawasan makroprudensial yang kukuh, dengan tumpuan khusus kepada pendedahan kredit dan saling keterkaitan dalam sistem kewangan bagi mengekalkan kestabilan kewangan dalam persekitaran global yang tidak menentu.
12. Meskipun berdepanan dengan cabaran luaran, sektor perbankan Negara Brunei Darussalam kekal kukuh pada suku kedua 2025. Sektor ini kekal berdaya tahan dengan Nisbah Kecukupan Modal agregat pada paras 19.6%, melebihi keperluan regulatori yang ditetapkan. Penampang mudah tunai kekal kukuh, dengan Nisbah Aset Cair kepada Aset Keseluruhan pada 40.8%, memastikan bank-bank bersedia untuk menyokong aktiviti perantaraan kewangan serta menyerap kejutan kewangan. Jumlah aset sektor perbankan meningkat sebanyak 0.4% tahun-ke-tahun kepada BND20.3 bilion, berbanding tahun sebelumnya. Ini didorong oleh pertumbuhan pinjaman sebanyak 8.4% tahun-ke-tahun kepada BND8.1 bilion. Peningkatan kredit ini disumbang oleh pertumbuhan pinjaman korporat. Kualiti aset juga menunjukkan peningkatan, dengan Nisbah Bersih Pinjaman/Pembiayaan

Tertunggak (NPLF) menurun kepada 1.0% berbanding 1.4% pada tahun sebelumnya. Penurunan ini disokong oleh pengurusan risiko kredit yang berkesan dan peruntukan yang berhemat.

13. Jumlah deposit meningkat sebanyak 0.8% tahun-ke-tahun kepada BND16.2 bilion, disumbang oleh pertumbuhan simpanan bertempoh dan jenis deposit yang lain, menandakan keyakinan orang ramai terhadap sistem perbankan. Petunjuk keuntungan iaitu Pulangan ke Atas Aset (ROA) dan Pulangan ke Atas Ekuiti (ROE) masing-masing mencatatkan sedikit penurunan kepada 1.6% dan 9.7%. Walau bagaimanapun, sektor ini terus menjana pendapatan yang stabil, hasil daripada aktiviti pinjaman/pembentukan yang sihat dan kedudukan modal yang kukuh.
14. Dalam usaha BDCB untuk mengembangkan pasaran wang domestik, BDCB telah mengeluarkan notis untuk mengemaskini keperluan Minimum Cash Balance (MCB). Mulai 17 April 2025, kadar MCB telah diturunkan daripada 6% kepada 5%, dan kadar Penggunaan MCB dinaikkan daripada 30% kepada 50%. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kecairan dalam sistem pembankatan, seterusnya membolehkannya dipergunakan dengan lebih efisien untuk menyokong aktiviti ekonomi.
15. Dalam membangunkan sektor kewangan Islam, BDCB, bersama dengan pihak berkepentingan, mengambil langkah untuk memperkenalkan *Islamic window* bagi membolehkan bank-bank konvensional menawarkan produk-produk kewangan Islam. Perundingan dengan industri perbankan mengenai dengan pengoperasian rangka kerja pengawalseliaan yang bersesuaian telahpun diadakan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan.
16. Selain itu, beberapa perkembangan pengawalseliaan telahpun diperkenalkan. Ini termasuk keperluan bagi bank-bank untuk mengekalkan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (*Liquidity Coverage Ratio, LCR*) mulai 1 Januari 2026, iaitu dengan memastikan aset cair berkualiti tinggi yang mencukupi untuk menghadapi senario tekanan selama tempoh 30 hari. Di samping itu, BDCB terus menyokong pematuhan pengendali takaful dan syarikat insurans dalam tahun kedua penggunaan piawaian IFRS 17 dengan memberikan garis masa yang dilanjutkan untuk menerbitkan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024. Dalam bidang pasaran modal, BDCB juga telah memperkenalkan modul baharu kepada peperiksaan perlesenan bagi pemegang dan pemohon *Representatives' Licence*. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap rangka kerja peraturan di bawah *Securities Markets Order, 2013*.

17. Mengambil kira pendigitalan akan memacu evolusi industri pembayaran, adalah penting bagi rangka kerja pengawalseliaan BDCB dapat mendokong inovasi di samping menangani sebarang risiko yang berkaitan. Ke arah itu, BDCB telah memberikan kebenaran bagi National Digital Payments Network Sdn Bhd [ndpx] untuk melancarkan sistem pembayaran digital ‘tarus’ yang bertujuan untuk membolehkan orang ramai membuat pindahan dana segera di antara institusi-institusi yang ikut serta. Bagi mengupayakan fungsi saling boleh kendali (*interoperability*) antara sistem pembayaran domestik dan menggalakkan penggunaan pembayaran digital, BDCB telah memperkenalkan keperluan bagi institusi-institusi kewangan untuk menggunakan kod respons pantas (QR) yang seragam bagi semua pembayaran digital yang dilaksanakan melalui kod QR. Seterusnya, perundangan perkhidmatan pembayaran yang baharu telah dicadangkan dengan proses perundingan industri bagi mengemaskinikan rangka kerja pengawalseliaan sektor perkhidmatan pembayaran dan perniagaan perkhidmatan wang.
18. Dengan ketidaktentuan dalam persekitaran ekonomi dan pasaran kewangan, termasuk perubahan dasar perdagangan, ketegangan geopolitik yang berterusan, serta ketidaktentuan aliran modal, BDCB kekal teguh dengan komitmennya untuk mengekalkan kestabilan monetari dan kewangan. BDCB akan terus memantau perkembangan semasa dengan teliti dan menilai implikasinya terhadap ekonomi domestik.

**Sumber data:**

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi

International Monetary Fund (IMF)